



**KERAJAAN NEGERI MELAKA**

---

**SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI  
BILANGAN 8 TAHUN 2016**

**PELARASAN CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA(KWSP)  
BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KONTRAK**

**1. TUJUAN**

Surat Arahan Operasi ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memaklumkan:

- 1.1 Semua **Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan** mengenai tindakan pelarasan bagi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja(KWSP) bagi pegawai dan kakitangan kontrak.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, PS1.1/2013 - Penjenisan Kod Bagi Hasil Dan Perbelanjaan, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka telah memperuntukan belanjawan untuk caruman KWSP bagi pegawai dan kakitangan kontrak yang sebenar di bawah kod 29000 iaitu di bawah tajuk **Bayaran Kepada Pekerja Kontrak, Sambilan Dan Separuh Masa Yang Tidak Menyandang Jawatan-jawatan Tetap.**
- 2.2 Walaubagaimanapun pembayaran caruman KWSP pegawai dan kakitangan kontrak di Sistem Gaji SPEKS hanya menggunakan kod 13000 iaitu di bawah tajuk **Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Insurans dan sumbangan-sumbangan lain.**

- 2.3 Penggunaan kod yang berbeza ini memerlukan tindakan pelarasan oleh semua Jabatan/PTJ pembayar gaji.
- 2.4 Berdasarkan semakan pada tahun 2015, hanya sebilangan kecil jabatan sahaja yang telah melaksanakan arahan seperti di para 2.3 di atas.
- 2.5 Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memandang serius perkara di atas kerana ia boleh menjejaskan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri Melaka.

### 3. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL/KETUA JABATAN

Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memastikan :-

- 3.1 Semua pembayaran caruman KWSP bagi pegawai dan kakitangan kontrak yang dibayar melalui Sistem Gaji SPEKS dan menggunakan kod pembayaran 13000 hendaklah menyediakan jurnal pelarasan bagi melaraskan kod tersebut ke kod 29000 setiap bulan **tanpa gagal**.
- 3.2 Jurnal pelarasan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari berserta dokumen sokongan **yang lengkap dan disahkan** seperti berikut:
  - 3.2.1 Ringkasan penyata pengiraan pegawai dan kakitangan kontrak.
  - 3.2.2 Laporan G008 - Jadual Caruman KWSP bagi bulan yang berkaitan.
  - 3.2.3 Laporan Harian/Bulanan Buku Vot yang berkaitan.
  - 3.2.4 Laporan G017 - Jurnal Bayaran Gaji
  - 3.2.5 Lain-lain dokumen berkaitan jika ada.

### 4. PENUTUP

- 4.1 Semua Ketua Jabatan/PTJ adalah diminta supaya sentiasa memastikan bahawa perkara di para 3 diambil tindakan dengan sewajarnya.
- 4.2 Surat arahan ini boleh dimuat turun dengan melayari laman web <http://jkpnm.melaka.gov.my>.


4.3 Segala kemusykilan berkenaan dengan pekelliling ini bolehlah menghubungi pegawai berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Talian Telefon</b>
i.	Puan Zalinah bt Hamzah	06-230 7299
ii.	Puan Nor Azizan bt Zahabudin	06-230 7388
iii.	Puan Norlinawati bt Zulkefli	06-230 7589
iv.	Puan Norifah bt Wahab	06-230 7285

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“MELAKA MAJU NEGERI KU SAYANG FASA II”**  
**“BERKAT TEPAT CEPAT”**

Saya yang menurut perintah,



**(JAFRIL BIN JUNIT)** -

Bendahari Negeri  
Melaka

s.k.:

1. YB Pegawai Kewangan Negeri Melaka - Untuk makluman YB Datuk
2. Pengarah Audit Negeri,  
Jabatan Audit Negara,  
Negeri Melaka.

**SENARAI JABATAN / PTJ YANG MEMPUNYAI KAKITANGAN KONTRAK  
- DATA SEHINGGA JULAI 2016**

<b>BIL</b>	<b>PERIHAL</b>	<b>JUMLAH KAKITANGAN KONTRAK</b>
1	PEJABAT TYT YANG DIPERTUA NEGERI MELAKA	16
2	DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA	163
3	JABATAN KETUA MENTERI	350
4	JABATAN PERTANIAN NEGERI MELAKA	0
5	PEJABAT TANAH DAN GALIAN MELAKA	0
6	PEJABAT DAERAH DAN TANAH MELAKA TENGAH	10
7	PEJABAT DAERAH DAN TANAH ALOR GAJAH	4
8	PEJABAT DAERAH DAN TANAH JASIN	2
9	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MELAKA	1
10	JABATAN HUTAN	0
11	JABATAN KERJA RAYA IBU PEJABAT	2
12	JABATAN KERJA RAYA MELAKA TENGAH	0
13	JABATAN KERJA RAYA ALOR GAJAH	1
14	JABATAN KERJA RAYA JASIN	0
15	JABATAN KERJA RAYA WORKSHOP	0
16	JABATAN AGAMA ISLAM	1940
17	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI	14
18	JAB. KEWANGAN DAN PERB. NEGERI MELAKA	20
19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	11
20	JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA	0
21	MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA	1
22	PEJABAT MUFTI NEGERI MELAKA	12